

Tanah mendap ancam penduduk

UM 3/10/2006

Oleh ZANIFAH MD. NOR

BANGI 22 Okt. - "Kami sudah buntu kerana semua pihak seolah-olah berdiam diri berhubung masalah mendapan tanah yang berlaku di bawah rumah kami."

Demikian keluh beberapa pemilik rumah di Taman Bangi Perdana apabila Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan pemaju didakwa tidak bertindak serius menangani masalah banjir dan mendapan tanah yang berlaku sejak tiga tahun lalu.

Kebimbangan semakin menular di kalangan penduduk terbabit apabila banjir di kawasan perumahan yang mendapat julukan Venice di Bangi itu menyebabkan tanah di bawah beberapa buah rumah kelihatan lompong selebar satu meter.

Salah seorang penduduk, **Mohammad Azahar**, 40, melahirkan rasa kecewa kerana masalah yang serius itu dipandang ringan oleh sesetengah pihak.

"Kami benar-benar kecewa kerana telah banyak kali masalah ini diajukan kepada MPKj tetapi tiada sebarang tindakan diambil. Janganlah tunggu ada rumah yang roboh baru mahu bertindak," kata-

nya.

Marzuki Azahari, 45, memberitahu, ketika hujan lebat keadaan tanah menjadi semakin mendap kerana kawasan perumahan terletak berhampiran sungai.

"Pihak terbabit hanya mendesak pemaju membuat kajian tanah. Kami dimaklumkan kawasan terlibat terdapat tanah lumpur.

"Apa yang dikesalkan, sehingga kini MPK tidak mahu memberi jaminan secara bertulis dari segi keselamatan struktur bangunan," katanya.

Sebaliknya, Marzuki memberitahu, pihak terbabit hanya menutup lompong dengan cara menambak pasir yang dianggap sebagai khidmat sosial.

"Kalau beginilah caranya, kami tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang," tegasnya.

Siti Mariyani Taib 40, berkata, kehidupan mereka sekeluarga diburu kebimbangan setelah mengetahui tanah di bawah rumahnya berair dan terapung.

"Bawah rumah kami sentiasa ditakungi air seperti kami duduk di bawah sungai. Ikut perjanjian,



MOHAMMAD AZAHAR



MARZUKI AZAHAR



SITI MARIYANI TAIB

Kalau beginilah caranya, kami tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang

MARZUKI AZAHAR
Penduduk

kami beli rumah di atas tanah bukannya rumah terapung.

"Tambah malang, dalam tempoh tiga tahun, sudah dua kali, rumah saya mengalami kebocoran paip air dan terpaksa membayar lebih," katanya.

Siti Mariyani turut mempersoalkan spesifikasi di pelan binaan struktur rumah yang dikatakan mempunyai cerucuk.

"Sedangkan apa yang saya dapati, rumah kami tidak mempunyai cerucuk," soalnya.



SALAH seorang pemilik rumah di Taman Bangi Perdana, Bangi, Selangor menunjukkan mendapan tanah yang begitu ketara.